

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERSIDANGAN PERWAKILAN JUBLI EMAS PERSATUAN BEKAS PERAJURIT DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 21HB MEI, 1972

Yang Dipertua Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia,<sup>1</sup>  
Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucap berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Persatuan Bekas-bekas Perajurit kerana sudi menjemput saya merasmikan Persidangan Perwakilan Negara Jubli Emas Persatuan Bekas-bekas Perajurit pagi ini.

Saya dukacita kerana tidak dapat bersama-sama di Majlis Persidangan tahun lepas dan saya bersyukur kerana mendapat kesempatan hari ini untuk memberi sepatah dua kata pada Mesyuarat Agung ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana yang saudara maklum, Kerajaan menganggap masalah bekas-bekas perajurit sebagai satu tanggungjawab negara dan juga masyarakat. Kerajaan sentiasa memikirkan dan mencari apa juga jalan yang baik bagi meletakkan bekas-bekas perajurit di tempat yang wajar dalam masyarakat kerana mengingat dan menghargai jasa-jasa mereka kepada negara. Langkah-langkah dan usaha-uasha itu terus diperhebatkan lagi setahun demi setahun supaya menjamin masa depan perajurit-perajurit kita apabila mereka kembali ke dalam masyarakat awam.

Salah satu langkah penting ialah memberikan latihan-latihan peralihan kepada anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan. Pada masa-masa yang lepas, Kerajaan telah memberi peluang kepada bakal-bakal bekas perajurit untuk menjalani kursus-kursus latihan peralihan selama enam bulan untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan awam atau "civilian life," samada "urban sector" atau pun "rural sector". Semasa tempoh latihan, mereka diberi gaji penuh serta pembayaran-pembayaran lain kerana mereka masih dianggap bertugas di dalam Angkatan Tentera.

---

<sup>1</sup> Y.M. Jeneral Tunku Osman b. Tunku Mohd. Jawa.

Pada amnya, rancangan ini mendapat sambutan yang memuaskan tetapi saya dukacita mendengar ada juga setengah-setengah perajurit tidak menggunakan kesempatan ini meskipun untuk kebaikan diri mereka sendiri. Ada antara mereka menghabiskan masa tanpa berusaha mendapatkan latihan-latihan yang akan menjamin masa depan mereka dan keluarga mereka setelah keluar dari angkatan tentera. Akibat dari sikap seperti ini, mereka telah mengalami berbagai kesulitan dan berbalik menyalahkan Kerajaan, menuduh Kerajaan tidak menghiraukan nasib bekas perajurit.

Saudara-saudara sekalian,

Keadaan hari ini jelas menunjukkan iaitu untuk menjamin bekas-bekas perajurit mendapat pekerjaan, mereka hendaklah mempunyai sesuatu kemahiran yang sempurna dan tertentu, sebaik-baiknya dalam bidang teknikal dan vokesyenal yang diperlukan oleh sektor awam.

Dengan adanya sesuatu kemahiran yang sesuai itu, bekas-bekas perajurit mempunyai bekalan yang berguna untuk sektor awam di samping menjamin masa depan mereka sendiri. Saya yakin kalau perajurit-perajurit yang akan bersara dilengkapi dengan kemahiran yang tertentu, pihak swasta akan membukakan pintu mereka untuk mengambil tenaga pekerja daripada bekas-bekas perajurit kita di samping pekerja-pekerja yang lain.

Dengan tujuan itulah, antara lain-lain, saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan membuat peraturan dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menjalankan rancangan latihan vokesyenal bagi calon-calon bekas perajurit di Pusat Latihan Perusahaan. Latihan-latihan yang dirancangkan ini ialah untuk beberapa bidang teknikal dan vokesyenal yang dianggap sesuai bagi mereka yang ingin mengikuti kursus latihan ini yang akan bermula bulan Julai ini. Persiapan-persiapan telah pun dibuat untuk menerima calon-calon pelatih dari kalangan anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan mereka tidak berapa lama lagi.

Seperti yang saya umumkan dahulu, tempoh latihan peralihan bagi perajurit yang akan tamat perkhidmatan boleh dilanjutkan sehingga lapan belas bulan bergantung kepada kursus-kursus yang diberikan. Saya suka menyatakan di sini iaitu mereka yang telah memilih untuk menjalani latihan teknikal di Pusat Latihan Perusahaan ini boleh dipertimbangkan untuk diberi latihan lanjutan lebih daripada tempoh enam bulan sehingga lapan belas bulan

setinggi-tingginya. Ini bergantunglah kepada kemajuan pelatih-pelatih itu dan juga kepada perakuan jurulatih-jurulatih di Pusat Latihan itu. Dengan cara ini, saya harap mereka akan berhasil mendapatkan kemahiran-kemahiran dalam bidang-bidang yang mereka pilih itu dengan lebih mendalam lagi.

Saya suka menegaskan di sini bahawa oleh sebab Kerajaan memandang tinggi kepada jasa-jasa perajurit ini yang telah berkhidmat dan berkorban untuk mempertahankan negara, Kerajaan adalah mengambil apa juga langkah yang dapat untuk menjamin yang mereka itu dapat mempunyai pekerjaan yang tertentu selepas tamat perkhidmatan dalam Angkatan Tentera dan untuk menjamin bahawa kehidupan mereka dan anak isteri mereka adalah sempurna selepas mereka tamat perkhidmatan dengan Angkatan Tentera.

Oleh yang demikian, saya berkehendakkan tiap-tiap orang anggota Angkatan Tentera yang hendak menamatkan perkhidmatannya mestilah mengambil latihan dalam apa juga bidang kemahiran atau pun perniagaan atau pun perusahaan tanah iaitu perusahaan-perusahaan yang mereka itu akan jalankan selepas berhenti dari perkhidmatan.

Misalnya, kalau ia memilih jurusan kemahiran untuk bekerja di kilang, ia akan diajar menjadi engine mechanic, fitter dan sebagainya. Kalau dia memilih lapangan perniagaan, kita akan aturkan latihan dalam bidang pengurusan, "book-keeping" dan sebagainya. Kalau dia bercadang hendak masuk rancangan tanah atau hendak berusaha sendiri, dia akan diberi latihan-latihan yang sesuai untuk membolehkan dia menjadi seorang petani yang moden yang dapat berdiri atas kaki sendiri.

Kita tidak boleh membenarkan bekas-bekas perajurit balik ke kampung dengan tak ada mempunyai apa-apa pekerjaan yang tertentu. Saya harap mereka itu janganlah mengambil jalan yang senang demi kepentingan mereka sendiri dan anak isteri mereka. Oleh yang demikian, walaupun mereka itu hendak menjalankan perusahaan tanah sendiri, hanyalah setelah Kerajaan berpuas hati dengan keterangan-keterangan yang nyata yang mereka itu mempunyai tanah yang boleh dikelolakan, barulah boleh dibenarkan perkara ini. Tetapi sungguhpun begitu, mereka mustahaklah menerima latihan dalam perkara pertanian sebelum mereka itu keluar supaya mereka boleh menjalankan perusahaan dengan

cara yang moden dan sempurna. Mereka-mereka yang suka hendak masuk ke rancangan-rancangan tanah, latihan akan diberi juga untuk membolehkan mereka menjalankan perusahaan dalam rancangan-rancangan tanah.

Saya suka menegaskan sekali lagi saya tak suka hendak membenarkan bekas-bekas perajurit balik ke kampung dengan tidak mempunyai kemahiran yang tertentu dan dengan tidak mempunyai pekerjaan yang tertentu. Kita bercadang hendak memberi mereka itu peluang-peluang bekerja untuk memulakan kehidupan baru yang akan memberikan mereka itu faedah-faedah hidup yang sempurna. Saya harap mereka akan menggunakan peluang-peluang ini dengan sepenuhnya.

Saya tidak mahu lagi tuduhan-tuduhan dan sungutan-sungutan bahawa Kerajaan tidak menghiraukan nasib bekas-bekas perajurit dalam menghadapi kehidupan baru sebagai orang awam. Sebab itulah Kerajaan berkehendak supaya semua mereka itu mendapat latihan kemahiran untuk memulakan kehidupan baru. Pada masa hadapan, kalau ada lagi bekas-bekas perajurit yang tidak ada mempunyai pekerjaan, maka kesalahan itu bukanlah kepada Kerajaan bahkan kepada diri mereka itu sendiri.

Biarlah saya berterus terang di sini iaitu tidak ada jalan yang mudah bagi seseorang itu untuk mendapat kesenangan. Kita mestilah sanggup bersusah dahulu dan sedia memulakan hidup baru dari takuk yang rendah. Kemudian itu, asal saja kita sabar dan tekun, tentulah dapat meningkat naik sedikit hingga mencapai sepenuh kejayaan.

Oleh itu, saya suka mengingatkan mereka itu hendaklah menyambut segala peluang yang terbuka dan selepas itu berusaha untuk memperbaiki kehidupan menyara anak isteri dengan sempurna. Peluang-peluang pekerjaan bukan tidak ada bahkan sebaliknya banyak dan luas terbuka asal saja ada kemahuan mengambilnya. Tetapi, seperti saya katakan tadi, perajurit-perajurit hendaklah bersedia menyesuaikan diri untuk keadaan baru itu dan menerima tawaran-tawaran yang diberikan, sama ada oleh Kerajaan atau pihak swasta. Dengan ini sajalah bekas-bekas perajurit ini akan mendapat tempat yang wajar dalam kehidupan awam dan tidak menghadapi kesulitan-kesulitan hidup serta pengangguran.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan telah mengeluarkan suatu Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1969 bertajuk "Lantikan Bekas-bekas Anggota Tentera kepada Jawatan-jawatan Dalam Bidang Awam." Surat Pekeliling ini memberikan kemudahan tertentu seperti kelonggaran had umur kepada empat puluh tahun bagi bekas-bekas perajurit untuk menjawat pekerjaan-pekerjaan yang ada meletakkan had umur. Saya tahu ada terdapat peraturan Surat Pekeliling ini tidak dilaksanakan, dan saya suka mengingatkan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Separa Kerajaan supaya mematuhi dengan sepenuhnya. Saya akan meminta laporan dari semasa ke semasa untuk memastikan pihak-pihak yang berkenaan benar-benar mematuhi serta melaksanakan peraturan tersebut.

Berhubung dengan ini juga, didapati walaupun ada kelonggaran had umur tetapi kelayakan-kelayakan lain khasnya kelulusan persekolahan masih menjadi penghalang bagi bekas-bekas perajurit mendapatkan pekerjaan. Saya telah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mengkaji kemungkinan melonggarkan kelayakan-kelayakan lain untuk bekas-bekas perajurit memegang jawatan-jawatan tertentu di Jabatan-jabatan Kerajaan dengan memberi perhatian kepada pengalaman serta kemahiran calon itu. Dengan adanya peraturan ini kelak, bekas-bekas perajurit akan mempunyai peluang yang lebih luas untuk mendapatkan pekerjaan.

Selain dari tindakan-tindakan yang telah disebutkan tadi, saya telah menubuhkan Lembaga Persijilan Pertukangan dan Latihan Perusahaan yang bertugas untuk mengkaji dan menyelaraskan pertukangan-pertukangan (trade) dan sijil-sijil yang diberi oleh Angkatan Tentera dengan pihak awam untuk mencapai suatu "National Standard."

Tujuan kita ialah supaya kelulusan dan sijil yang diperolehi oleh anggota-anggota Angkatan Tentera diiktiraf setaraf dengan pihak awam. Peraturan ini menyenangkan semua pihak, terutama bekas-bekas perajurit untuk mendapat pekerjaan.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi peluang keemasan bagi bekas-bekas perajurit ialah memasuki rancangan-rancangan tanah. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada peruntukan sebanyak 20% kepada bekas-bekas

perajurit di rancangan-rancangan tanah. Lagi pula had umur bagi bekas-bekas perajurit dilanjutkan kepada empat puluh lima. Pendek kata, peluang yang terbuka bagi bekas-bekas perajurit dalam bidang ini sangatlah baik.

Di samping itu, saya juga mengarahkan supaya diadakan rancangan-rancangan tanah khas. Bahagian Hal Ehwal Veteran sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan tanah bagi tujuan ini. Kerajaan Johor telah pun menguntukkan sebidang tanah bagi rancangan ini dan akan mula dimajukan tidak lama lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha dan perjalanan Persatuan Bekas-bekas Perajurit ini. Seperti yang diterangkan oleh Yang Dipertua tadi, Persatuan ini dengan ahli-ahli lebih 12,000 orang, merupakan pertubuhan nasional dan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada negara. Maju jayanya Persatuan ini bererti lebih cerah nasib bekas-bekas perajurit kita.

Akan tetapi, saya perhatikan kebanyakan daripada ahli-ahli Persatuan ini terdiri dari anggota-anggota pangkat bawahan sahaja sedang bekas-bekas pegawai tinggi tidak ramai yang sudi menjadi ahli. Saya hairan juga mengapa keadaan seperti ini berlaku? Bekas-bekas pegawai, terutama mereka yang mendapat pekerjaan yang baik, patut benar menceburkan diri sekurang-kurangnya untuk sama-sama melihat kebajikan anak buah dalam battalion, Kompeni atau platoon dulu. Tidaklah payah saya berpanjang lebar tentang kebajikannya memasuki Persatuan ini, sekurang-kurangnya saudara-saudara dapat memberi sumbangan moral yang sangat-sangat diharapkan oleh Persatuan ini.

Dari Penyata Tahunan Persatuan, saya lihat banyak rancangan yang dijalankan untuk kebajikan ahli-ahlinya seperti pinjaman perumahan, biasiswa dan sebagainya. Saya percaya pihak swasta—firma-firma besar—akan bermurah hati membantu Tabung Hari Pahlawan tahun ini.

Saya berharap Persatuan akan juga mengambil peluang yang terbuka di bidang Dasar Ekonomi Baru seperti lapangan perniagaan atau membuat perusahaan sendiri. Bahagian Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan satu Handbook

untuk panduan orang-orang Melayu/Bumiputra yang ingin memasuki bidang ini. Bahagian Veteran di Kementerian Pertahanan telah diperkuat untuk memberi nasihat dan pertolongan yang dikehendaki supaya bekas perajurit lebih maklum tentang rancangan-rancangan Kerajaan dan dapat menikmatinya dengan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir sekali, saya ingin mengumumkan kepada Persidangan ini iaitu pihak Kerajaan telah meluluskan satu cadangan supaya bekas-bekas perajurit yang telah disarakan dengan hormat dari Angkatan Bersenjata tetap wajar mendapat rawatan perubatan percuma di wad-wad Kelas Dua sepertimana mereka berhak menerimanya jika mereka masih lagi berkhidmat dalam pasukan tentera tidak kira gaji terakhirnya. Langkah ini setapak kemajuan mengiktiraf kedudukan bekas-bekas perajurit yang berjasa kepada bangsa dan negara. Saya harap pihak Persatuan akan memaklumkan kepada bekas-bekas perajurit sekalian kemudahan baru ini supaya mereka dapat menikmati tawaran ini sepenuhnya.

Sekianlah ucapan saya dan saya berdoa semoga saudara-saudara dapat mencapai keputusan-keputusan yang bernas dan berkesan dalam Persidangan ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Persidangan ini.